

Fungsi utama PUSPAL ialah menyelaraskan dan menimbangkan semua permohonan bagi penggambaran filem dan persembahan artis luar negara. JK-PUSPAL melaksanakan tugasnya berpandukan kepada Garis Panduan PUSPAL yang telah ditetapkan. Garis panduan tersebut turut mengambil kira Garis Panduan Hiburan Dalam Islam yang digubal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada edisi pertama sebelum ini.

Mengenai Garis Panduan Hiburan Dalam Islam (Edisi Kedua) yang dikeluarkan oleh JAKIM baru-baru ini, Kementerian ini dan JK PUSPAL mendapat maklumat daripada JAKIM bahawa garis panduan tersebut sedang disemak semula (*review*) setelah mengambil kira teguran dan pandangan yang dikemukakan oleh pihak tertentu.